

Hak istimewa: Pas pinda ucapan PM

30 SEP 1985

PRESIDEN Umno, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan taktik Pas memutarbelit dan meminda ucapannya seolah-olah beliau mahu hak istimewa orang Melayu dihapuskan.

Perdana Menteri berkata beliau mendapati risalah mengenai ucapannya di Dewan Rakyat pada 11 Ogos lalu diputarbelitkan oleh Pas untuk menimbulkan kekecohan.

"Oleh kerana saya tahu yang ini datang dari mereka yang ingin menimbulkan kekacauan maka saya telah meminta catatan rasmi mengenai ucapan itu.

"Seperti yang saya sangka apa yang dikeluarkan itu memang tidak menepati apa yang saya kata," jelasnya.

Sambil menunjukkan risalah itu kepada perwakilan, beliau berkata segala penjelasan yang dibuat dalam ucapannya telah diketepikan, sebaliknya risalah itu memetik kononnya beliau yang mahu menghapuskan hak istimewa

orang Melayu.

Risalah bertajuk *Siapa mahu hapuskan hak istimewa orang Melayu*, lengkap dengan logo Umno diedarkan kepada perwakilan di Perhimpunan Agung Umno ke-36 ketika mesyuarat dimulakan.

Tanah simpanan

Datuk Seri Dr Mahathir ketika menggulung perbahasan mengenai perkara yang berbangkit, berkata sebenarnya yang beliau kata ialah hak istimewa tidak boleh dihapuskan selagi orang Melayu masih lemah.

Katanya, hak istimewa orang Melayu telah ada di zaman British seperti tanah simpanan Melayu yang mereka dakwa untuk melindungi hak-hak orang Melayu.

"Bagaimanapun mereka tidak berbuat demikian. Tetapi setelah kita merdeka kita dapat menentukan peruntukan dalam Perlembagaan kita dilaksanakan untuk kepentingan orang Melayu.

"Sebab itulah kerajaan dapat menentukan agama Islam sebagai agama rasmi walaupun penduduk negara ini termasuk bukan Islam. Begitu juga dengan bahasa Melayu sebagai asas Bahasa Kebangsaan. Ini adalah keistimewaan orang Melayu," tambahnya.

Perdana Menteri berkata hak istimewa orang Melayu boleh dihapuskan jika masyarakat Melayu sudah mencapai tahap yang mereka tidak memerlukan perlindungan.

Di samping itu, katanya, Malaysia adalah negara yang rakyatnya pelbagai kaum dan ada yang kuat dan ada yang lemah, sebab itulah kerajaan mengadakan peruntukan berkenaan.

"Kalau kita menguasai semua keadaan ekonomi, politik, pentadbiran dan sebagainya maka peruntukan undang-undang tidak perlu kerana kita sudah dapat apa yang kita mahu.

"Tetapi apa yang dikatakan oleh Pas untuk menghapuskan hak istimewa itu apabila mereka memerintah. Apakah kita boleh menjamin kalau Pas memerintah pada 1987 agama Islam boleh terjamin?"

Oleh itu, rakyat mestilah memastikan golongan seumpama itu tidak mendapat tempat di negara ini, katanya.